

22/03/2003

Projek makanan bersepadu siap lima tahun

KLUANG: Projek pengeluaran bahan makanan komersial terbesar negara menerusi pembangunan 3,760 hektar tanah di daerah ini yang dijangka siap dalam tempoh lima tahun, akan turut mewujudkan pusat pelancongan pertanian paling menarik.

Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi, berkata pusat yang dirancang itu turut mengandungi perkampungan makanan dan buah-buahan, tumbuhan herba, orkid, pusat peranginan, padang golf serta perkampungan Inggeris.

Katanya, projek berkenaan membabitkan kawasan seluas 1,280 hektar di Padang Hijau, Kahang, untuk penternakan haiwan ruminan berskala besar serta seluas 2,480 hektar lagi berdekatan Institut Haiwan Ayer Hitam.

"Pembangunan di Ayer Hitam bagi penanaman sayur-sayuran, buah-buahan, penternakan haiwan dan perikanan. Projek ini akan menjadi projek pengeluaran makanan pertanian komersial terbesar di negara ini.

"Projek akan dilancarkan Jun ini dijangka siap dalam lima tahun, tetapi

kita berharap lebih awal," katanya, selepas melawat Ladang Eko Organik Padi Kahang di Kampung Sri Lukut, Batu 28, Kahang, dekat sini, petang kelmarin.

Ladang seluas 292 hektar itu dibangunkan syarikat swasta, Bright Terrain Sdn Bhd sejak hujung 1998 membabitkan penanaman padi, penternakan itik dan udang air tawar serta buah-buahan secara organik sepenuhnya.

Effendi berkata, kerajaan Johor sudah bersetuju menyerahkan kawasan untuk projek pertanian berskala besar itu kepada kerajaan Pusat untuk dijadikan perintis di negara ini.

Katanya, persetujuan itu dinyatakan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman pada perjumpaan yang turut dihadiri Ketua Pengarah Pertanian, Datuk Ismail Ibrahim di Johor Bahru, kelmarin.

"Projek ini diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pembangunannya berdasarkan pelan induk dan kajian yang dibuat oleh Royal Agricultural College, United Kingdom.

"Kita juga menerima permohonan hampir 70 syarikat dan orang perseorangan, terutama dari Johor untuk menyertai projek berkenaan dan akan memilih peserta yang sesuai," katanya.